

# 10 siswa PLUMS lawat Rumah Warga Tua Air Panas Tawau

Oleh HAMZAH BIN SANUDIN

UB 11-5-2016 B5

**SERAMAI** 10 siswa Pusat Luar Universiti Malaysia Sabah (PLUMS) telah mengadakan lawatan program bakti siswa ke Rumah Warga Tua Jalan Air Panas Tawau, baru-baru ini.

Program itu telah dijalankan oleh para pelajar tahun akhir Program Ekonomi Sumber

Manusia, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan.

Program bakti siswa itu bermatlamat sebagai medium untuk mengeratkan lagi silaturrahim antara pelajar dengan penghuni warga tua Air Panas di samping dapat memupuk sikap

kasih sayang pelajar dengan warga

tua.

Pensyarah kursus Masyarakat Sivil dan Pembangunan PLUMS, Dr Janice LH Nga berkata aktiviti seperti itu dan jalinan baik bersama masyarakat adalah sangat penting untuk pembangunan modal insan dan negara.

Pelbagai acara telah dijalankan dalam lawatan itu antaranya beramah mesra, sesi suai kenal, persembahan tarian dan sesi bergambar kenangan bersama penghuni Rumah Warga Tua Air Panas Tawau.



**PENSYARAH** dan pelajar PLUMS bergambar bersama kakitangan dan penghuni Rumah Warga Tua Air Panas.



**SALAH** seorang penghuni, Lily yang masih mahir dalam bidang menjahit seperti bantal dan kusyen.



(Gambar atas) **JANICE** diberi maklumat oleh Ketua Penguasa Rumah Warga Tua Mohd Taufik Leong.

(Gambar kiri) **AKTIVITI** ramah mesrah bersama warga tua